



## KENYATAAN MEDIA

**MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR  
YB DATO SRI DR. HAJI WAN JUNAIDI BIN TUANKU JAAFAR**

### **STATUS JEREBU DALAM NEGARA**

**17 OGOS 2016**

---

Jabatan Alam Sekitar (JAS) memantau rapi status kualiti udara di seluruh negara berikutan kejadian jerebu kembali melanda semenjak tengahari semalam. Dalam kejadian semalam, beberapa kawasan di Lembah Klang termasuk beberapa kawasan di Melaka dan Negeri Sembilan mengalami jerebu singkat beserta pengurangan jarak penglihatan di beberapa kawasan sekitarnya.

Setakat jam 2 petang, 17 Ogos 2016, sebanyak 18 kawasan mencatatkan bacaan Indeks Pencemar Udara (IPU) pada tahap “baik” dan sebanyak 33 kawasan mencatatkan bacaan IPU pada tahap “sederhana”. **Tiada kawasan yang mencatatkan bacaan IPU pada tahap “tidak sihat”.**

Keadaan jerebu masih disebabkan oleh jerebu merentas sempadan berikutan kebakaran tanah dan hutan di Sumatera Tengah, Indonesia yang dibawa oleh angin Monsun Barat Daya. Berdasarkan laporan oleh ASEAN Specialised Meteorological Centre (ASMC) yang berpusat di Singapura pada 16 Ogos 2016, terdapat peningkatan bilangan titik panas (hotspot) yang dikesan oleh satelit NOAA-19 di Kalimantan, Indonesia iaitu sebanyak 77 titik panas (hotspot) , manakala di Sumatera pula sebanyak 23 titik panas (hotspot) dikesan.

Peta Jerebu Serantau yang dikeluarkan oleh pihak *ASMC* pada 16 Ogos 2016 adalah seperti di **Rajah 1**.

Titik-titik panas (hotspots) di Sumatera dan Kalimantan, Indonesia yang masih aktif boleh menyebabkan pencemaran jerebu merentas sempadan berterusan ke Pantai Barat Semenanjung Malaysia dan ke negeri Sarawak. Selain itu, lokasi 4 titik panas (hotspot) yang dikesan dalam negara iaitu 2 di negeri Pahang dan 2 di negeri Sarawak sedang disiasat dan diambil tindakan penguatkuasaan yang sewajarnya.

Untuk tidak memburukkan keadaan berjerebu, semua pihak terus diingatkan agar tidak melakukan pembakaran terbuka atau membiarkan tanah atau premis kepunyaan mereka dimasuki atau dicerobohi oleh pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab sehingga menyebabkan pembakaran terbuka untuk tujuan tertentu atau dengan tidak sengaja.

Menurut Seksyen 29(A), Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974, mereka yang disabitkan dengan kesalahan melakukan pembakaran terbuka boleh dikenakan denda tidak melebihi RM500,000 atau penjara selama tempoh tidak melebihi 5 tahun atau kedua-duanya sekali. Kompaun maksimum sebanyak RM2000 juga boleh dikenakan atas setiap kesalahan.

Kerjasama orang ramai turut dimohon untuk memadam kebakaran-kebakaran kecil dan juga melaporkan kes-kes pembakaran terbuka atau kebakaran kepada Jabatan Perkhidmatan Bomba dan Penyelamat di talian **999** dan Jabatan Alam Sekitar (JAS) di talian bebas tol, **1-800-88-2727**.

Bacaan IPU terkini setiap jam boleh dirujuk di laman web Jabatan Alam Sekitar (JAS) di alamat url, <http://apims.doe.gov.my/v2/> atau dengan memuat turun aplikasi telefon pintar rasmi MyIPU di 'Google Play' .

PETA JEREBU SERANTAU, 16 OGOS 2016

(Sumber : ASEAN Specialised Meteorological Centre, Singapura)

